

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI B. MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

SOALAN : 49

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing yang berdaftar mengikut kawasan Parlimen, serta menyenaraikan anggaran pekerja asing yang belum berdaftar mengikut kawasan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri ingin memaklumkan bahawa sehingga **31 Januari 2019**, sejumlah **2,018,240 pekerja asing kurang mahir** direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia melalui pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif.

Butiran pecahan pekerja asing tidak mahir mengikut 5 Negeri tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 1** di bawah.

Jadual 1: Jumlah Pekerja Asing Yang Dikeluarkan PLKS Aktif Dan Sah Mengikut Negeri Sehingga 31 Januari 2019

BIL.	NEGERI	JANTINA		JUMLAH (ORANG)
		LELAKI	PEREMPUAN	
1.	Selangor	517,484	103,065	620,549
2.	Johor	293,342	54,204	347,546
3.	WP Kuala Lumpur	263,704	42,289	305,993
4.	Pulau Pinang	94,500	50,908	145,408
5.	Sabah	89,153	39,766	128,919
6.	Lain-lain	385,294	84,531	469,825
JUMLAH KESELURUHAN (ORANG)		1,643,477	374,763	2,018,240

*Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia
Tarikh Kemas Kini: 31 Januari 2019*

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan **tidak mempunyai anggaran tepat jumlah PATI** yang berada di dalam negara. Namun begitu, **kerajaan sentiasa peka** terhadap senario kebanjiran PATI di Malaysia dan **tindakan penguatkuasaan** akan dilaksanakan **secara berterusan** bertujuan untuk **mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI** yang berada di **dalam negara**.